

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
(Ministry of Higher Education Malaysia)

ARAS 17, NO. 2, MENARA 2
(Level 17, No. 2, Menara 2)
JALAN P5/6, PRESINT 5
(Road P5/6, Precint 5)

62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
(62200 Federal Territory of Putrajaya)

Ketua Setiausaha
(Secretary General)



Tel : 03-8870 5050
Faks : 03-8870 6806
Web : <http://www.mohe.gov.my>



Rujukan Kami : KPT.S.(KSU)07/13/22 (4)
Our Reference

Tarikh : 6 Disember 2011
Date

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Datin/Dato'/Tuan/Puan

GALAKAN MENABUNG DALAM SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sedang mempergiatkan kempen pembukaan akaun SSPN di kalangan rakyat Malaysia. Dalam konteks perkhidmatan awam, kempen ini diharap dapat memupuk budaya menabung di kalangan penjawat awam khusus bagi tujuan pembiayaan pengajian tinggi. Selain daripada itu, melalui tabungan yang dibuat, saiz dana sedia dijangka akan menjadi lebih besar dan seterusnya dapat menampung keperluan pembiayaan PTPTN di masa hadapan. Jika ini dapat direalisasikan sudah pasti kebergantungan rakyat kepada Kerajaan dan PTPTN untuk menyediakan pembiayaan pendidikan akan dapat dikurangkan dan peruntukan Kerajaan yang sedia ada dapat disalurkan untuk membiayai projek-projek pembangunan lain yang memberi manfaat kepada rakyat.

3. Untuk makluman tabungan melalui SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan yang patut direbut seperti mana berikut :

- a) Pemilik akaun layak memohon pembiayaan pendidikan PTPTN (mulai Januari 2012, hanya pelajar yang mempunyai akaun SSPN layak memohon)

- b) Pendeposit mendapat pelepasan cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa sehingga RM3,000 setahun
- c) Pendeposit mendapat perlindungan insurans secara percuma bagi mereka yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas.
- d) Bagi keluarga yang layak, pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 akan diberi.
- e) Simpanan yang dijamin oleh Kerajaan
- f) Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

4. Berdasarkan kepada keistimewaan serta faedah yang sebegitu besar, KPT berpandangan adalah wajar agar peluang ini direbut oleh semua anggota Perkhidmatan Awam dengan segera membuka akaun SSPN bagi anak-anak atau ahli keluarga yang belum mempunyai akaun tersebut.

5. Untuk makluman, akaun SSPN boleh dibuka dengan jumlah deposit serendah RM20 (amaun simpanan yang lebih tinggi adalah digalakkan dan berpeluang memperoleh manfaat yang lebih baik). Oleh yang demikian, mereka yang berminat bolehlah mengunjungi 1,500 ejen SSPN seluruh negara melalui cawangan-cawangan Maybank, BSN, CIMB, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Bank Islam dan Agro Bank. Bagi tujuan kemudahan, simpanan melalui potongan gaji juga disediakan. Sekiranya maklumat lanjut diperlukan, pegawai PTPTN iaitu En Hasrul Nizam Che Hashim sedia untuk dihubungi melalui talian 03-20982013.


6. Sehubungan itu, saya ingin memohon kerjasama serta jasa baik YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Datin/Dato'/tuan/puan untuk memanjangkan perkara ini kepada semua pegawai di Kementerian/Jabatan/Agensi yang berada di bawah seliaan YBhg. YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Datin/Dato'/tuan/puan. Bagi mendapatkan impak yang lebih besar Kementerian juga ingin memohon bantuan agar perkara ini disebarkan kepada sahabat handai, keluarga terdekat, saudara mara serta kenalan agar mereka juga turut berpeluang menikmati faedah yang ditawarkan melalui pembukaan akaun SSPN.

7. Besarlah harapan Kementerian agar seluruh anggota Perkhidmatan Awam Malaysia dapat berganding bahu untuk menjayakan hasrat murni KPT menjadikan "Dana Pendidikan, Pemangkin Pembangunan Negara".

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"MENERAJUI KEGEMILANGAN ILMU"

Saya yang menurut perintah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Datuk Ab. Rahim Bin Md. Noor'. The signature is stylized with a large loop at the top and a long vertical stroke extending downwards.

(DATUK AB. RAHIM BIN MD. NOOR)